

Pelan paling kritikal

u.m m/s 10 17-1-07

Oleh WAHID HASHIM
(WARTAWAN UTUSAN)

APAKAH wajah pendidikan Malaysia yang bergelar negara maju pada 2020?

Di sinilah relevannya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 hingga 2010 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam.

Pelan kali ini adalah kritikal kerana hala tujunnya akan membawa bahtera merdeka Malaysia ke sebuah wawasan negara maju.

Pelan induk ini perlu bijaksana kerana ia berkesinambungan dengan beberapa dasar yang mantap sejak pasca-kemerdekaan, kemudian bertukar baton dan tampuk sekarang meneruskannya dengan penambahbaikan yang perlu.

Oleh sebab itu, dimensi pelan ini umpama satu larian ke garis penamat, sebelum satu lagi kitaran baru diperkenalkan, yang pada ketika itu dikenali pula sebagai pascawawasan.

Pelan itu yang terkandung dalam dokumen biru setebal 142 halaman menggariskan perkara yang umum seperti rupa bentuk bangsa yang hendak dilahirkan sehingga yang terperinci seperti alat bantu mengajar dan perisian kursus.

Perancangan pada kali ini berfokus kepada pembangunan manusiawi - pelajar, guru dan ibu bapa.

Pelajar akan mendapat lebih bantuan daripada agihan khazanah negara, sementara guru akan beroleh semula martabatnya yang terhakis sedikit demi sedikit, selain peningkatan taraf hidup.

Dengan lebih tepat lagi, walau tujuannya menyediakan acuan pendidikan sebuah negara maju, tapi pelan itu masih berpijak di bumi yang nyata, yang masih tidak terpesong daripada isu-isu akses, ekuiti, kualiti dan kecekapan penguasaan pendidikan.

Sebagai contoh, tiada gunanya kalau dalam sebuah negara maju, ramai pelajarnya yang tercicir pendidikan tahun satu, khususnya kerana kemiskinan.

Guru juga mendapat lebih ganjaran dan beberapa mentaliti lapuk tentang kerjaya itu dikikis dalam pelan kali ini.



KEJAYAAN Pelan Induk Pembangunan Pendidikan akan diukur menerusi pencapaian kanak-kanak ini yang akan menjangkau usia 20 tahun pada 2020.

- Gambar Bernama

Setelah melalui badai dan taufan, bahtera pendidikan negara meneruskan perjalanannya ke satu destinasi yang masih jauh. Bukan sahaja haluannya mesti betul, malah struktur binaannya perlu mampu menahan hentaman badai dan taufan supaya tidak karam

Terdapat enam jenis sekolah pada tahap ini.

kerana dikuatiri sekolah jenis ini akan meluaskan lagi jurang elitis antara se-

lah Menengah (KBSM) dan Rendah (KBSR) dikaji semula supaya lebih menekankan kemahiran berfikir aras tinggi. Ini bermakna kurikulum perlu digubal kerana aspek kemahiran merentas hampir keseluruhan sistem pendidikan.

Di bawah pelan ini, peranan dan latihan guru bahasa Inggeris diperhebat sementara beberapa komponen baru mata pelajaran diperkenalkan sementara beberapa elauun khas dikekalkan.

Pelan juga melihat kekuatan kepimpinan sebagai teras kejayaan sesebuah

guru cemlerang dan guru penyangang Jusa C ditambah tanpa perlu guru itu melakukan kerja-kerja pentadbiran.

Konsep ini telah dilaksanakan dan diterima pakai secara sebulat suara oleh semua guru dan kesatuan guru di negara ini. Pada masa yang sama, kalau berdasarkan gred gaji, mereka ialah pelapis kepada pentadbiran tertinggi tempatan seperti pengarah pendidikan negeri atau pengarah pendidikan daerah, jika diperlukan.

Pada masa yang sama, mungkin berlaku situasi penyangang pengarah masih mengajar di sekolah dalam satu budaya kerja berbilang tugas.

Konsep ala universiti ini sangat baik dan boleh dilaksanakan di peringkat Kementerian itu bagi meningkatkan tahap profesionalisme individu.

Guru pada hari ini banyak yang melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi akademik. Sebahagian daripada guru mempunyai kelayakan akademik yang cukup tinggi sehingga mendorong mereka bertukar haluan, atau hilang minat mengajar.

Jumlah keseluruhan guru di sekolah rendah sehingga Jun 2005 adalah seramai 190,336 orang, sementara di sekolah menengah 136,598 orang.

Sementara itu, campur tangan ibu bapa dibuka dengan seluas-luasnya untuk menentukan hala tuju pendidikan anak masing-masing dalam misi negara membangunkan modal insan.

Peranan ibu bapa tidak dipinggirkan dalam pelan kali ini, khususnya dalam menentukan sendiri pilihan aliran untuk anak mereka.

Pelan yang demokratik itu membenarkan ibu bapa campur tangan dalam menentukan masa depan anak-anak, sehingga ke tahap membolehkan ibu bapa memasukkan anak mereka ke mana-mana sahaja aliran.

Di peringkat sekolah rendah, ibu bapa boleh menghantar anak mereka di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Mereka juga boleh memilih untuk menghantar anak ke sekolah agama negeri dan rakyat.

Kalau mengikut statistik, ramai ibu bapa melakukan silang aliran ketika menyekolahkan anak di sekolah rendah, khususnya ibu bapa Melayu.

Di SJKC, terdapat tujuh peratus murid bumiputera. Di peringkat sekolah menengah, pilihan ibu bapa lebih luas.

Tamam begitu, bagi kerajaan, sekolah masih perlu berada dalam kawalan Pusat dan sekolah aliran kaum masih perlu kekal seperti seadanya, sekurang-kurangnya sehingga 2010.

Malaysia masih belum melaksanakan sistem pendidikan kepunyaan negeri-negeri seperti di beberapa buah negara maju. Selain itu, beberapa percubaan untuk memberi perspektif baru dalam sistem aliran kaum tidak begitu memberi impak yang ketara.

Usaha ini telah dilakukan sejak beberapa dekad yang lalu, dan boleh dikatakan menjadi sumber kekecewaan mantan pemimpin negara.

Beberapa perkara yang dijangka berlaku - serta yang ditunggu-tunggu - seperti memperkenalkan sistem semester dan memperkenalkan lebih banyak penilaian berasaskan sekolah, menjadi kenyataan dalam pelan ini.

Inovatif

Pada kali ini, pemerhati pendidikan yang berharap untuk melihat sesuatu yang mengejutkan dalam sistem pendidikan di Malaysia, mungkin tidak melihat banyak kejutan. Tetapi, bukan semua perubahan itu baik dan dipersetujui.

Sebagai sebuah negara demokrasi, suara rakyat telah diambil kira dalam pelan ini, seperti mana dipersetujui dalam kontrak sosial.

Beberapa idea inovatif diperkenalkan seperti memperkenalkan sekolah model khas. Sekolah model khas, atau pernah disebut sebagai sekolah kluster ialah pintu gerbang kepada pendekatan memberi kuasa autonomi kepada sekolah sepenuhnya pada satu ketika nanti.

Falsafah sekolah kluster adalah daripada guru untuk pelajar, dan merupakan inovasi setempat.

Campur tangan Kementerian sangat minimum dan kekuatan atau kelebihan sesebuah sekolah itu sendiri akan menjadikannya lebih berwatak dan berjaya.

Kalau mengikut pelan itu, pihak Kementerian akan mengenal pasti sekolah dalam kluster Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Premier, Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), sekolah 100 tahun (Centennial), Sekolah Bestari serta sekolah-sekolah Putrajaya dan Cyberjaya. Namun begitu, kita perlu berhati-hati

buah sekolah dengan yang lain kerana ciri-ciri pengasingannya.

Setelah melalui badai dan taufan, bahtera pendidikan negara meneruskan perjalanannya ke satu destinasi yang masih jauh. Bukan sahaja haluannya mesti betul, malah struktur dan bahan binaannya perlu mampu menahan hentaman badai dan taufan supaya tidak karam.

Walaupun kita mungkin tidak karam, tetapi ada kalanya kita terumbang-ambing di takut lama kerana kelemahan sendiri. Isu-isu pembaziran ketika penganugerahan projek dek kedangkalan dalam pengurusan risiko, serta keputusan yang lebih mementingkan laba projek daripada kepentingan rakyat perlu dikikis.

Projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembangunan perisian kursus, pembangunan makmal sekolah, serta program-program di sekolah bestari tidak perlu mengulangi kesilapan silam. Bijak pandai berkata, dungulah jika kita mengulangi kesilapan yang sama secara berulang-ulang.

Projek yang sedia ada boleh diteruskan, tetapi bukan mengulangi model kesilapan yang sama, kerana hal ini tidak bertepatan dengan falsafah dan dasar integriti negara. Sekali tersilap langkah, ratusan juta ringgit duit rakyat terbang melayang.

Isu kemandirian warisan dan jati diri juga tidak terlepas pandang dalam PIPP 2006-2010. Ketika tulisan jawi hampir pupus, maka ada segelintir yang melihat sistem pendidikan sebagai salah satu penyumbang kepada isu itu. Isu-isu warisan bangsa ini perlu diangkut di dalam bahtera yang sama.

Dengan ikhlas, kita memuji pelan ini apabila menyisipkan sekali fokus memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa.

Antara strategi pelaksanaannya ialah membina kurikulum seni dan seterusnya dua buah sekolah seni menjelang 2010, meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) serta membudayakan penggunaan tulisan jawi melalui aktiviti tertentu.

Selain itu, pembangunan kurikulum dan kokurikulum menjadi teras yang cukup penting pada pelan kali ini. Inilah tugas hakiki yang paling banyak berkait secara langsung dengan warga pendidik.

Di bawah PIPP 2006-2010, sukatan di bawah Kurikulum Bersepadu Seko-

rganisasi. Jadi, wajarlah pelan ini menyatakan supaya SK yang telah dipertahankan akan diterajui oleh pengetua dan guru besar yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan berkesan.

Sudah tentulah, cabaran utama Kementerian Pelajaran adalah untuk meningkatkan lagi penyertaan murid bukan bumiputera di SK, khususnya di kawasan yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum.

Beberapa program lain yang telah berjalan sebelum ini juga diteruskan seperti pengukuhan disiplin pelajar dan program antidadah.

Secara keseluruhannya, PIPP 2006-2010 lebih segar dan mampu membawa pendidikan negara ke arah yang lebih bermakna.

Bagi segelintir rakyat, PPIP 2006-2010 adalah pelan manusiawi kerana lebih banyak peruntukan disediakan untuk membantu pelajar yang kurang bernasib baik memulakan atau meneruskan alam persekolahan.

Namun aspek kerohanian tidak pernah dilupakan. Di dalam pelan itu disebutkan bahawa Kementerian Pelajaran akan memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari dalam membentuk pemikiran kehidupan.

Kejayaan pelan ini diukur juga dengan keupayaannya menarik rakyat Malaysia dalam lingkungan umur persekolahan menjejakkan kaki ke sekolah dan mahu belajar membaca, menulis dan mengira, dan seterusnya menyambung pelajaran sehingga ke tahap umur 17 tahun.

Hal ini kerana kadar penyertaan pelajar dalam sistem persekolahan masih rendah di peringkat menengah, iaitu 84.4 peratus penyertaan di peringkat menengah rendah dan 71.7 peringkat menengah atas.

Kemantapan pedagogi perlu diperkemas dan diperluas mengikut keperluan setempat dan semasa supaya isu-isu minat belajar dan buta huruf dapat ditangani dan akhirnya mencapai status sifar pada wawasan 2020.

Tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sangat signifikan bagi membangunkan modal insan minda kelas pertama untuk mencapai hasrat 2020.

Jadi, kejayaan atau kegagalannya sangat bergantung kepada kerja keras dan kefahaman kita tentang dasar pendidikan kali ini.